

15/02/2003

Kita tetap bantah serangan ke atas Iraq

JOHOR BAHRU: Malaysia tetap tidak bersetuju dan membantah serangan Amerika

Syarikat terhadap Iraq sekali pun tindakan ketenteraan itu direstui Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, pendirian itu kerana Malaysia membenci peperangan dan ia bukan cara terbaik menyelesaikan persengketaan atau konflik antara negara.

"Kita akan bantah percubaan menyerang Iraq walaupun PBB memutuskan ada tanda-tanda yang mengizinkan serangan ke atas Iraq.

"Kita tidak dapat membantah, tetapi kita tidak akan bersetuju dengan serangan ketenteraan ke atas Iraq kerana bagi kita, perang bukan caranya untuk menyelesaikan masalah," katanya pada majlis perjumpaan muhibah bersama rakyat sempena upacara pecah tanah projek Gerbang Selatan Bersepadu (GSB) dan projek perumahan rakyat di Bukit Chagar, di sini semalam.

Ketika ditanya sama ada Malaysia sudah mengubah pendirian berhubung serangan terhadap Iraq itu, Dr Mahathir berkata, Malaysia tidak akan terbabit dalam serangan terhadap Iraq sekali pun majoriti anggota PBB merestuinnya.

Malah, katanya, jika Malaysia berada dalam kedudukan untuk mengundi bagi menentukan kewajaran serangan itu, negara ini tidak akan melakukannya.

"Kita tidak ada undi dalam Majlis Keselamatan PBB, jadi kita tidak boleh kata ya atau tidak. Tapi pendirian kita ialah kita menentang perang adalah jalan penyelesaian.

"Jika majoriti daripada (anggota) PBB membuat keputusan dan Majlis Keselamatan membenarkan perang terhadap Iraq, mereka boleh...(lancarkan perang), tetapi kita tidak akan sokong," katanya.

Perdana Menteri berkata, Malaysia tidak suka Iraq atau mana-mana negara diserang dan sudah pasti negara ini tidak suka diserang sesiapa pun.

Katanya, Malaysia bencikan peperangan kerana tindakan ketenteraan itu adalah cara yang kolot digunakan oleh orang tidak bertamadun yang memilih pembunuhan sebagai cara menyelesaikan masalah.

"Siapa yang dapat membunuh lebih banyak (orang), dia menang. Inilah cara orang primitif dan zaman kuno. Zaman batu dulu, memang cara menyelesaikan masalah ialah dengan membunuh.

"Ini cara pemikiran bangsa yang kolot, yang tidak bertamadun, sebab itu Malaysia menolak peperangan sebagai cara menyelesaikan persengketaan dan konflik," katanya.

Dr Mahathir berkata, Amerika Syarikat atau mana-mana negara yang

melancarkan perang terhadap negara lain harus tahu perbuatan itu membunuh manusia yang tidak bersalah.

Malah, penderitaan mangsa perang amat teruk sekali menyebabkan Malaysia tidak merelakan peperangan untuk menyelesaikan pertikaian.

"Kita mahukan penyelesaian secara rundingan antara kuasa barat dan Iraq.

Marilah kita cari cara yang aman untuk menyelesaikan masalah terhadap Saddam Husein ini.

"Kalau kita tidak suka Saddam Hussein, janganlah bunuh orang Iraq yang tidak berdosa. Mereka tidak memilih Saddam Hussein dan Saddam Hussein bukan dipilih rakyat Iraq, jadi nak bunuh orang yang tidak pilih dia kenapa.

"Ini cukup zalim sekali, sebab itu kita menentang cara ganas untuk menyelesaikan masalah, untuk menghentikan persengketaan antara kaum," katanya.

Perdana Menteri berkata, Malaysia dan seluruh rakyat membenci sebarang bentuk peperangan dan tidak bersetuju jika mana-mana negara di dunia ini diserang dan kerana itu ia melancarkan kempen Aman Malaysia bagi membuktikan rakyat negara ini tidak sukakan keganasan.